

BAB 7

RUMUSAN DAN PENUTUP

7.0 Pendahuluan

Mathal merupakan salah satu bahasa kiasan. Ia mempunyai hubungan dua hala dengan kebudayaan Arab. Lahirnya sesuatu *mathal* adalah hasil daripada apa yang berlaku dalam budaya Arab yang terdiri daripada adat, aktiviti harian serta pegangan dan kepercayaan yang wujud kalangan mereka. *Mathal* juga berfungsi sebagai media yang merakamkan banyak peristiwa yang berlaku kalangan orang-orang Arab. Seterusnya *mathal* menjadi platform atau pentas yang memainkan peranan ke arah mempertontonkan semula peristiwa-peristiwa silam yang berkaitan dengan kehidupan orang Arab serta adat istiadat dan budaya mereka.

7.1 Pembahagian *Mathal* Dan Jenis-jenisnya

Kajian yang dibuat menunjukkan bahawa *mathal* terbahagi kepada beberapa bahagian dan beberapa jenis. *Mathal* diungkap dengan menggunakan berbagai-bagai gaya bahasa. Terdapat *mathal* yang diungkapkan melalui puisi. Di dalam pengungkapannya melalui puisi terdapat beberapa keadaan. Jenis-jenisnya adalah seperti berikut:

7.1.1 *Mathal Fusha:*

Orang-orang Arab mula mengumpul *mathal* semenjak mula tegaknya negara Islam. Selain daripada mengumpul *mathal*, ramai yang mengambil berat tentang *mathal* dengan menyusunnya semula. Mereka menyusunnya dengan susunan yang boleh memudahkan pencarian terhadapnya. Selain dari itu mereka ini juga turut memberi keterangan mengenai *mathal-mathal* tersebut dari semasa ke semasa. Bahasa Arab merupakan bahasa *fusha:*. Bahasa Arab *fusha:* ini terpelihara daripada segala kecacatan bahasa. Jadi segala *mathal* yang terbentuk di peringkat awal adalah merupakan *mathal fusha:*. *Mathal fusha:* sajalah yang memiliki ciri-ciri positif yang membantu ke arah pemeliharaan bahasa dan budaya. Inilah juga yang dititikberatkan oleh para pengkaji dan pengumpul *mathal* yang terdahulu.

7.1.2 *Mathal 'A:mmiyy (Dialek)*

Sepertimana yang dikatakan tadi pada asalnya kesemua *mathal* terdiri daripada *mathal fusha:*. Walau bagaimanapun setelah melalui masa yang lama dengan dipengaruhi oleh beberapa faktor, maka di samping *mathal fusha:* terbentuk pula *mathal* yang bercirikan kedaerahan yang dipengaruhi oleh dialek-dialek setempat bagi sesuatu kawasan. *Mathal-mathal* yang bercirikan dialek setempat ini terbahagi kepada dua. Pertama: *Mathal* yang berasal daripada *mathal fusha:*, di mana kemudiannya ia bertukar menjadi *mathal 'a:mmiyy* setelah melalui proses evolusi yang berkaitan dengan perkembangan bahasa. Manakala jenis yang

keduanya ialah *mathal-mathal* ‘*a:mmiyy* yang terbentuk dalam dialek-dialek tertentu.

7.1.3 *Mathal* Realiti

Mathal realiti adalah *mathal* yang mempunyai asal usul dan sejarahnya yang tersendiri. yang mempunyai kaitan dengan peristiwa benar yang pernah berlaku dan pernah dialami oleh seseorang atau individu dalam sesebuah masyarakat. Ia juga mempunyai pengungkap atau penggubal atau orang yang mengungkapnya buat kali pertama. Ia mempunyai sejarah dan latar belakangnya yang tersendiri. Hampir keseluruhan *mathal* yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada *mathal* realiti.

7.1.4 *Mathal* Rekaan Atau Andaian:

Mathal ini berasaskan khayalan dan rekaan individu-individu yang tertentu. *Mathal* rekaan ini dibuat atau dicipta oleh seseorang yang mempunyai kefahaman dan penghayatan yang tinggi terhadap sesuatu budaya dan amalan hidup sesuatu bangsa dan masyarakat. Ia menggunakan sama ada watak binatang, tumbuh-tumbuhan, benda dan sebagainya. *Mathal* seumpama ini boleh membantu seseorang dalam menunjukan kritiknya kepada pihak-pihak yang lebih berkuasa, tanpa adanya perasaan ragu dan bimbang terhadap tindak balas yang diterima daripada pihak yang dikritik. Bilangan *mathal* jenis ini yang terlibat dalam kajian

ini terlalu kecil. Antaranya ialah *mathal* tentang tiga ekor lembu dan *mathal* mengenai dialog antara dab dengan anaknya.

7.1.5 Mathal Berbentuk Puisi

Kebanyakan *mathal* terungkap dalam bait-bait puisi yang telah diungkap dan dihasilkan orang-orang terdahulu. *Mathal-mathal* yang terkandung dalam puisi dari segi kedudukannya dan penggunaan ruang mempunyai berbagai-bagai keadaan. Ada yang mengambil ruang sebahagian kecil sahaja daripada setengah bait, ada yang mengambil ruang kurang sedikit daripada setengah bait. Ada *mathal* yang terdiri daripada setengah bait, ada yang terdiri daripada satu bait lengkap dan ada pula yang terdiri daripada beberapa bait.

7.1.6 Mathal Berbentuk Prosa

Mathal yang terdiri daripada prosa pula ada yang diungkapkan dengan hanya menggunakan satu perkataan sahaja, ada pula yang terdiri daripada beberapa perkataan, satu ayat dan beberapa ayat. Ada pula yang terdiri daripada separa ayat. Malah ada pula yang diungkapkan dalam bentuk yang panjang atau dalam bentuk cerita. Manakala jenis ayat yang digunakan ada yang terdiri daripada kedua-dua jenis ayat, iaitu *jumlat ismiyyat* dan *jumlat fe'liyyat*. Ada pula yang terdiri daripada dua perkataan yang terdiri daripada *muda:f* dan *muda:f ilayh*, dua perkataan yang terdiri daripada *sifat* dan *mausuf* dan lain-lain. Walau

bagaimanapun kebanyakan daripada *mathal* tersebut adalah berasal daripada puisi dan telah bertukar menjadi prosa dalam penggunaannya. Penggunaan *mathal* yang terdiri daripada satu perkataan agak meluas terutama dalam perbualan tidak formal.

7.1.7 *Mathal* al-Qur'an

Mathal al-Qur'an adalah terdiri daripada *mathal* yang terdapat dalam al-Qur'an. *Mathal* dipakai dalam al-Qur'an merujuk kepada perumpamaan dan juga peribahasa. Walau bagaimanapun pemakaiannya dalam al-Qur'an lebih banyak kepada perumpamaan berbanding dengan peribahasa. *Mathal* dalam al-Qur'an digunakan sebagai medium untuk menerangkan sesuatu yang agak samar dalam minda manusia. Sehubungan dengan ini *mathal* dijadikan sebagai penyuluh ke arah memperjelas sesuatu dan menjadikannya lebih terang dan mudah diterima akal. Manakala pemakaian yang kedua dengan makna peribahasa yang mana sesuatu ayat itu boleh digunakan didalam situasi-situasi lain yang serupa dan tidak terbatas kepada keadaan yang asal sahaja.

7.1.8 *Mathal* Hadis

Mathal Hadis adalah *mathal* yang terdapat di dalam Hadis Rasulullah SAW. Dalam menjalankan tugasnya yang telah dipertanggungjawabkan Baginda telah menggunakan berbagai-bagai cara penyampaian yang sesuai dan berkesan dalam

menyampaikan pesannya. Salah satu cara penyampaian terpenting yang digunakan oleh Baginda adalah dengan menggunakan *mathal*. *Mathal* dipakai dalam Hadis merujuk kepada perumpamaan dan juga peribahasa. Keadaan ini sama dengan pemakaian *mathal* dalam al-Qur'an.

7.2 Pengaruh Perburuan Di Dalam *Mathal*

Kajian ini mendapati bahawa pengaruh perburuan dalam *mathal* terbahagi kepada empat aspek. Pertama: Binatang buruan. Kedua: Aktiviti memburu. Ketiga: Alat-alat memburu, dan Keempat binatang perburuan:

7.2.1 Binatang Buruan

Binatang buruan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu binatang buruan darat, binatang buruan udara dan binatang buruan laut.

Pengaruh perburuan terhadap *mathal* berkait rapat dengan kemampuan orang Arab dalam memahami tingkah laku binatang. Keadaan ini banyak membawa kepada terungkapnya sesuatu *mathal*. Orang Arab Jahilyiah didapati amat mengenali tingkah laku dan sifat-sifat binatang sama ada binatang ternakan, binatang buruan maupun binatang-binatang buas. Keadaan ini adalah hasil daripada interaksi mereka dalam aktiviti-aktiviti yang ada hubung kaitnya dengan

binatang, seperti pemburuan, pengangkutan, pemeliharaan binatang kesayangan dan berbagai-bagai aktiviti lain lagi.

Keadaan langit yang sentiasa cerah sepanjang tahun dan keadaan sebahagian besar muka buminya gersang tidak dilitupi oleh tumbuh-tumbuhan memudahkan mereka sama ada secara sengaja atau tidak sengaja untuk menyaksikan gelagat dan tindak tanduk haiwan ini dalam aktiviti kehidupannya.

Keadaan yang seumpama ini telah mendorong terbentuknya banyak sekali *mathal* yang berasaskan sifat-sifat binatang.

Kajian ini mendapati banyak sekali *mathal* yang beresaskan perkataan mulia, takut, berani, cerdik, bodoh, cergas, malas, laju, perlahan, kuat, lemah dan banyak lagi sifat lain yang dikaitkan sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung dengan sifat dan kehidupan binatang.

Keperihatinan dan juga kepekaan orang-orang Arab Jahiliah terhadap sikap dan sifat binatang seterusnya dapat memahaminya dengan baik, digambarkan dalam *mathal* dan cerita seperti yang telah dihuraikankan. Keadaan inilah yang mempengaruhi *mathal-mathal* yang berkaitan dengan pemburuan.

7.2.2 Aktiviti Memburu

Aktiviti memburu juga terbahagi kepada tiga jenis iaitu perburuan darat, perburuan udara dan perburuan laut.

1- Perburuan Darat

Perburuan darat ini adalah yang paling luas bidangnya. Hal ini kerana bagi seorang Arab dalam menghadapi musuh adalah sesuatu yang diperlukan membuktikan kebolehan dalam pertarungan yang berlaku di atas muka bumi. Kemenangan selalunya berpihak kepada orang yang bersedia dan sentiasa berjaga-jaga. Manakala kekalahan bagi pemburu-pemburu dalam hubungan ini adalah lolosnya haiwan buruan atau terlepas dari tangannya.

Antara binatang buruan darat yang banyak mempengaruhi pembentukan dan pengungkapan *mathal* ialah:

Dab: Berasaskan kehidupannya yang mudah serta mudah didapati di mana-mana bahagian bumi Arab, binatang ini telah mendapat perhatian yang amat berbeza berbanding dengan binatang-binatang lain.

Orang-orang Arab Jahiliyah mengaitkannya dengan kepintaran, berjaga-jaga dan kesabaran. Kehidupan haiwan ini diselubungi dengan keistimewaan tentang apa yang diketahui dan apa yang sebenarnya berlaku. Mereka telah memerhatikan hal

keadaanya dengan begitu teliti dan mendapati haiwan ini sangat cerdik. Seinggakan, ia diambil sebagai ikutan dalam hal ini selama ia berada dalam lubang. Akan tetapi ianya juga sangat bodoh dan degil hingga dijadikan *mathal* penuh dalam kebodohan dan kedegilan ketika ia berada di luar lubangnya.

Mathal-mathal yang dihimpun di sini menjelaskan dengan terang ciri-ciri yang saling bertentangan dari apa yang telah disebut mengenai haiwan ini. Ia berasaskan dua pola. Kepintaran dan kebodohan yang terjadi akibat keadaan dalam dan luar lubang.

Selain daripada menjadikan dab sebagai kiasan, suatu perkara yang lain yang ada kaitan dengan dab turut terheret sebagai kiasan dan dijadikan *mathal*. Kediaman atau lubang dab tidak lekang daripada sejenis kumbang yang dipanggil “janda”. Serangga ini sentiasa mendiami lubang dab.

Persekitaran habitat dab juga turut mempengaruhi pengungkapan *mathal*. Pada kebiasaannya dab menjadikan tanah yang keras dan berbatu sebagai habitatnya. Dab dikaitkan dengannya kerana haiwan ini menggali lubang pada permukaan bumi yang keras kerana takut lubangnya akan runtuh di atasnya.

Dari segi pemilihan habitat dab diperhatikan oleh orang Arab sebagai haiwan yang kurang cerdik. Ia tidak akan membuat rumah atau kediamannya kecuali pada

tanah yang berbatu yang dapat dikenali tandanya. Maka sesiapa yang ingin mendapatkan binatang ini, dia akan melontar dab itu dengan menggunakan batu-batu yang terletak di sekitar lubangnya itu. Jadi terungkapnya *mathal* ini adalah hasil daripada pengetahuan orang Arab terhadap kegemaran binatang ini yang membuat sarangnya di kawasan yang secara semula jadi dipenuhi dengan anak batu.

Mathal yang berkaitan dengan dab tidak terhenti pada beberapa sifatnya yang bertentangan itu saja, bahkan terdapat *mathal* yang menunjukkan ia sebagai makanan yang disukai. Maka dapat dilihat haiwan dab dalam hubungan ini sebagai makanan yang sedap dan menyelerakan.

Kajian ini mendapati bahawa bermacam-macam sifat dan keadaan dikaitkan dengan dab. Dari segi kekerapan penggunaan, dab paling popular dalam *mathal*. *Mathal* yang berkaitan dengannya meliputi berbagai-bagai aspek dalam kehidupannya. Malah banyak perkara lain yang ada hubungan dan kaitan dengan dab turut mempengaruhi pengungkapan *mathal*. Dengan ini boleh dikatakan dab mempunyai kedudukan yang amat istimewa dalam minda orang-orang Arab.

Kijang: Kijang merupakan di antara haiwan yang hidup di Tanah Arab. Kaitannya dengan kehidupan orang Arab Jahiliyah terlalulah banyak. Mereka menganggap kijang binatang yang paling lemah lembut dan paling banyak menyimpan

maksud. Binatang ini telah menjadi fokus ramai penyair. Mereka mengaitkannya dengan perasaan rindu kepada orang yang dikasihi terutama sekali yang berkaitan dengan cinta.

Orang Arab Jahiliyah didapati telah memberikan perhatian terhadap segala tingkah laku, gelagat dan segala hal keadaan yang berkaitan dengan kehidupan binatang ini. Mereka seolah-olah mengekori dan mengintip setiap langkahnya. Maka banyak nama dan sifat yang telah diberikan kepada binatang ini didapati tepat dan bersesuaian dengannya. Keadaan ini telah mempengaruhi *mathal* yang dibuat dan dikaitkan dengannya.

Orang-orang Arab telah memberikan berbagai-bagai nama kepada kijang sama juga seperti yang diberikan kepada binatang-binatang lain yang hidup dalam persekitaran mereka. Nama dan gelaran tersebut diberikan kepada binatang ini sama ada berdasarkan kepada peringkat kehidupan mereka, jenis, jantina dan lain-lain. Keadaan ini amat berbeza sekali dengan apa yang terdapat kalangan orang Melayu.

Mungkin disebabkan gabungan sifat-sifat fizikal dan tabiat pada kijang yang menjadikan ia mendapat perhatian yang lebih dalam masyarakat Arab Jahiliyah. Ia juga memiliki bentuk badan yang bersesuaian dengan keadaan sifatnya yang

lemah lembut dan prihatin. Ia mengeluarkan suara seperti seorang bayi iaitu suara yang nyaring untuk memanggil anak-anaknya.

Dengan segala sifat yang ada padanya ini menjadikan kijang betina *mathal* dalam luahan puisi Arab Jahiliyah sehinggkan kijang betina menjadi sifat yang sentiasa dikaitkan dengan wanita yang menawan hati seseorang penyair. Ia juga membuat pemburu yang merindui mangsa buruan yang dikejanya menggambarkannya dengan penuh keindahan dan kecantikan dan penuh dengan kelembutan. Hal ini seperti yang dilakukan oleh Imra' al-Qays.

Dalam memberikan gambarannya terhadap kijang terdapat sifat yang bertentangan antara kelembutan yang menghiasi haiwan ini diiringi dengan kekerasan yang bersesuaian dengan keadaan di padang pasir. Di samping itu terdapat apa yang diriwayatkan dalam buku-buku riwayat tentang tipu helah kijang yang berpunca daripada kepandaiannya melepaskan diri jika dikejar. Antara kepintarannya dalam melepaskan dirinya daripada pemangsa, di peringkat permulaan dia tidak bersusah payah berlari dengan pantas bahkan dalam kelajuan yang biasa sahaja. Akan tetapi apabila pemangsa sudah mendekatinya barulah dia memaksimumkan kelajuannya. Dengan demikian dia kadang kala dapat melepaskan dirinya daripada pemangsa.

Apa yang menarik perhatian tentang kijang dari cerita tentangnya ialah *mathal* dan penerangannya mengenai haiwan ini bersifat saling bertentangan yang berpunca daripada bentuk faedah secara fizikal yang menunjukkan kepada kehidupannya dan cara mendapat manfaat tanpa tersekat walaupun dengan menunjukkan kepada bentuk keanggunan seperti yang digambarkan oleh para penyair.

Di samping kecergasan, orang Arab mendapati anak kijang suka tidur. Antara penerangan kepada *mathal* yang dikemukakan ialah sekiranya si anak menyusu dan berasa kenyang, maka ia akan tertidur dengan nyenyaknya. Dalam konteks *mathal* yang dipaparkan didapati si anak yang telah tertidur kekenyangan tidak meletakkan dalam perhitungannya bahawa terdapat bahaya dari kalangan pemburu yang sedang mengintipnya. Jadi inilah saat yang dinantikan oleh pemburu dalam menjamin buruan itu akan menjadi sesuatu yang realiti.

Pemerhatian orang Arab terhadap gerak-geri dan perilaku binatang buruan tidak terbatas kepada siang hari sahaja, bahkan perilaku binatang itu waktu malam turut diperhatikan.

Mereka juga mendapati kijang-kijang muda biasanya akan menjadi cergas dan galak ketika bulan terang. Keadaan ini juga turut memberikan peluang baik kepada para pemburu untuk menangkapnya. Kijang yang baru tumbuh tanduknya

terpesona dengan bulan mengambang maka ia tidak berjaga-jaga sehingga menjadi mangsa kepada singa dan pemburu. Ada yang mengatakan bahawa memburu kijang tatkala itu, lebih cepat dan lebih berkesan daripada memburu pada malam gelap gelita kerana kijang tidak dapat melihat dengan baik ketika bulan terang.

Dari segi perangainya pula, kijang didapati mudah serik dengan sesuatu tragedi yang menimpanya. Apabila datang pemangsa yang membuat dia terkejut, dia tidak akan kembali lagi ke tempat itu.

Larangan memburu di Tanah Haram semenjak dulu kala dalam kalangan orang-orang Arab turut mempengaruhi kemunculan *mathal* yang berkaitan dengan pemburuan kijang. Keamanan yang dijamin di Tanah Haram Mekah yang dikaitkan oleh orang Arab dengan pemburuan sekaligus turut memberi mesej tentang hukum pemburuan yang telah ditetapkan.

Walaupun kijang terdapat dengan banyaknya, namun ianya tetap dianggap sesuatu yang bertaraf tinggi berbanding dengan binatang-binatang ternakan. Perbuatan menyembelih binatang ternakan untuk dipersembahkan kepada berhala merupakan sesuatu yang biasa. Dalam menjadikan penyembelihan itu bertaraf lebih tinggi orang Arab telah menggantikan binatang ternakan dengan kijang.

Perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan kijang, seperti sumber atau pun tempat dia mendapatkan makanan, turut mempengaruhi pembentukan *mathal*. Orang Arab Jahiliyah menggunakan pengetahuan mengenai tempat-tempat sekelilingnya, gembalaannya dan menyamakannya dengan tabiat haiwan dalam cara bagaimana memburu haiwan ini. Si pemburu akan membuat persiapan yang sesuai untuk memburu kijang *al-Halab* kerana haiwan ini amat pantas. Manakala dia begitu mudah menangkap kijang *al-Himd* kerana tidak sepantas *al-Halab*. Begitu juga, walaupun ia menunjukkan pada banyak perkara, sifat berhati-hati si kijang menjadikan juga si pemburu berhati-hati dan mengawasinya dengan teliti sehingga pada akhirnya dapat menangkapnya.

Dari segi kekerapan penggunaannya dalam *mathal*, kijang juga mempunyai kedudukan yang lebih rendah berbanding dengan *dab*. *Mathal* yang berkaitan dengan kijang meliputi berbagai-bagai aspek dalam kehidupannya. Malah banyak perkara lain yang ada hubungan dan kaitan dengan kijang turut mempengaruhi pengungkapan *mathal*. Dengan demikian boleh dikatakan kijang juga mempunyai kedudukan yang istimewa dalam minda orang Arab.

Lembu Liar: Lembu liar merupakan salah satu buruan yang digemari oleh orang Arab Jahiliyah. Namun ia mempunyai kedudukan yang jauh lebih rendah berbanding dengan kijang. Dari segi penempatannya dalam puisi Arab, ia juga mempunyai kedudukan yang berbeza daripada kijang. Keadaan ini adalah hasil

daripada ketelitian orang Arab dalam pemerhatiannya terhadap fizikal lembu berbanding dengan kijang.

Manakala keistemewaan yang ada pada lembu sama ada lembu liar ataupun lembu ternakan ialah mempunyai daging yang banyak, kerana saiz badannya besar, kedua-dua matanya besar cantik dan bersinar, lembu betina pula tidak mengabaikan anaknya serta mempunyai kesetiaan kepada lembu jantan dan ia boleh dijinakkan dan dijadikan binatang ternakan.

Selain dari itu orang Arab Jahiliyah juga turut menjadikan lembu liar sebagai salah satu jenis binatang korban yang kononnya perbuatan mereka itu boleh mendekatkan mereka kepada berhala-berhala mereka yang mereka anggap sebagai tuhan itu.

Sehubungan dengan itu terdapat *mathal* yang dikaitkan dengan lembu yang digunakan untuk menunjukkan di mana seseorang itu akan dihukum disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan oleh orang lain.

Selain daripada terpengaruh dengan pemerhatian terhadap tingkah laku lembu liar yang diburu itu pengungkapan *mathal* ini juga menggambarkan bahawa orang-orang Arab Jahiliyah mempunyai etika perburuannya yang tersendiri dimana binatang buruan yang sedang berada dalam keadaan lemah dan dahaga tidak akan

ditumpaskan melainkan setelah ianya mendapat minuman atau setelah ianya pulih daripada masalah yang dihadapinya. Ini digambarkan melalui lembu dan binatang-binatang bertanduk lain.

Bagi penulis, apa yang dilakukan oleh orang Arab Jahiliyah itu merupakan nilai yang murni. Walau bagaimanapun tidaklah dapat dipastikan di sebalik pengamalan nilai ini. Apakah pengamalannya itu bertujuan untuk mempertahankan nilai murni itu ataupun ia semata-mata untuk mengelakkan rasa tidak puas hati apabila kemenangan itu diperolehi daripada musuh yang lemah.

Lembu juga dikaitkan dengan sifat bodoh. Sifat bodoh yang dikaitkan dengan lembu ini dipercayai diambil daripada cerita dongeng teladan mengenai tiga ekor lembu jantan. Dimana ketiga-tiga ekor lembu jantan ini dibaham oleh harimau melalui kelicikan strategi dan perang saraf yang dimainkan oleh singa terhadap mereka bertiga.

Keldai Liar: Terdapat beberapa *mathal* yang dikaitkan dengan binatang ini. Ia secara tidak langsung memberikan gambaran dan pemerian tentang hal keadaan haiwan ini serta hubungannya dengan aktiviti perburuan yang dijalankan oleh orang-orang Arab Jahiliyah yang tinggal di padang pasir Semenanjung Arab.

Mathal-mathal yang berkaitan dengannya, antaranya menggambarkan kebanggaan pemburu setelah mendapat buruan yang bersaiz besar. Manakala dalam keadaan lain ia memberikan gambaran tentang kesia-siaan. Hal ini kerana binatang ini sekiranya diburu, isi perutnya tidak diambil bahkan dibuang sahaja. Apabila isi perutnya dibuang ia akan menampakkan kekosongan yang amat ketara sekali. Dan ia digambarkan sebagai sesuatu yang tidak memberi manfaat kepada sesiapa pun sama ada manusia atau haiwan.

Mathal yang berkaitan dengan binatang ini juga menggambarkan bahawa sebahagian orang Arab tidak mengambil apa-apa faedah dari perut keldai liar. Manakala sebahagian yang lain pula melihat apa yang ada dalam perut keldai ini, sebagai sesuatu yang baik hasil daripada aktiviti perburuan.

Binatang-binatang Buas

Beberapa jenis binatang buas turut mempengaruhi pengungkapan *mathal*.

Singa: Kajian ini mendapati hubungan singa dengan perburuan adalah dari beberapa aspek. Kadang kala binatang ini sendiri menjadi sasaran pemburu apabila ia didapati mengancam binatang ternakan, binatang buruan dan juga menjadi ancaman kepada pemburu itu sendiri. Dari keadaan inilah banyak ungkapan *mathal* telah dibuat dan dikaitkan dengan binatang ini. Pada keseluruhannya *mathal-mathal* yang diungkapkan dengan menggunakan singa

berkaitan dengan kehebatan, kekuatan, kegagahan, keberanian dan lain-lain seumpamanya.

Serigala: Kajian ini mendapati *mathal* yang dikaitkan dengan serigala adalah berkaitan dengan sifat agresifnya terhadap binatang ternakan dan juga terhadap binatang buruan. Pada keseluruhannya ia berkaitan dengan sikap buruknya seperti tidak pernah merasa puas terhadap buruannya. *Mathal* mengenai serigala bertujuan untuk memberi peringatan kepada orang ramai tentang ancaman yang mungkin timbul daripada mereka yang berniat jahat. Persiapan dalam menghadapinya hendaklah disediakan secukupnya.

Harimau Bintang: Seperti yang diketahui bahawa harimau bintang merupakan pemangsa yang kuat. Kajian ini mendapati *mathal* yang menunjukkan kekuatan melalui binatang ini hanyalah pada kekuatan lompatannya sahaja. Manakala kekuatan binatang ini dari aspek-aspek lain tidak tertonjol. Selain dari itu terdapat beberapa sifat negatif seperti malas, penidur telah ditonjolkan dan menjadi kiasan kepada mereka yang mempunyai sifat-sifat yang serupa.

Binatang-binatang Buas Lain

Hasil daripada interaksi dan pemerhatian orang Arab dengan beberapa jenis binatang lain seperti harimau, dubuk, dan lain-lain juga telah membawa kepada

pengungkapan beberapa *mathal* yang menjadi kiasan kepada keberanian, kebodohan, kerusakan dan lain-lain.

2- Binatang Buruan Udara (Burung)

Kajian ini mendapati cerita mengenai perburuan udara kalangan orang Arab Jahiliyah adalah banyak sekali. Keadaan ini sudah tentu banyak mempengaruhi terbentuknya *mathal* yang berkaitan dengan burung dan perburuan udara atau perburuan angkasa.

Burung Unta (*ostrich*) adalah antara jenis binatang yang mempunyai kedudukan terbaik dalam masyarakat Arab. Ia menduduki tempat yang bersamaan dengan kijang dalam catatan puisi Jahiliyah. Walau bagaimanapun beberapa aspek negatif mengenai haiwan ini turut dijelmakan dalam *mathal* sepertimana yang telah dibentangkan.

Burung ini dikaitkan dengan sifat bodoh apabila orang Arab memerhati gelagat dan perilaku burung ini ketika dia mengeram telurnya. Mereka mendapati burung ini ketika keluar untuk mencari makan apabila terjumpa telur burung lain dia akan mengeramnya dengan meninggalkan telurnya sendiri. Keadaan yang sama jugalah yang dibuat oleh burung unta lain.

Apa yang menariknya haiwan ini dilihat sebagai kacukan antara unta dengan burung. Oleh itu orang Arab menjadikan bentuk fizikal yang dimiliki oleh burung ini suatu *mathal* bagi membuat kiasan terhadap sesuatu perkara yang tidak menentu dan tidak pasti.

Manakala burung unta jantan pula dikaitkan dengan sifat berhati-hati. Hal ini kerana burung unta jantan sangat peka dengan bunyi dan juga pergerakan, di samping penglihatannya yang agak tajam. Selain daripada sifat di atas, burung ini juga dikaitkan dengan gila, laju dan culas. Dengan demikian perkataan *نعامة* digunakan oleh orang Arab sebagai kiasan terhadap orang yang boleh dikaitkan dengan sifat-sifat tersebut.

Selain dari itu beberapa burung lain seperti burung tiong dan burung qirilla iaitu sejenis burung air (menyerupai burung raja udang) dikaitkan dengan sifat takut dan kecut. Ia dikenal pasti oleh orang Arab ketika berinteraksi dengan binatang-binatang ini. Keadaan ini juga telah banyak mempengaruhi pengungkapan *mathal*.

Manakala burung merpati seperti yang diketahui umum, ia adalah burung jinak yang sentiasa mendekati manusia terutama sekali apabila diberi perhatian dengan memberikannya makanan. Kejinakan burung merpati ini telah di jadikan kiasan dan *mathal* tentang kejinakan, terutama sekali apabila berada di Mekah dimana burung ini dan juga binatang-binatang buruan lain dilindungi sepenuhnya.

Burung القطا (*al-Qata:*) menjadi kiasan dan *mathal* kepada kebenaran. Burung ini adalah dari jenis merpati. Nama yang diberikan kepada burung ini ada kaitannya bunyi yang dikeluarkannya. Disebabkan oleh persamaan antara nama dengan bunyi yang dikeluarkan, maka orang Arab menganggap burung ini bersikap benar. Dengan demikian mereka menjadikannya *mathal* dari aspek kebenaran. Sifatnya yang mudah terganggu dan sensitif waktu malam dijadikan petunjuk atau petanda kepada berlakunya pencerobohan oleh pihak lain di kawasan kediaman atau sesuatu penempatan. Sehubungan dengan itu orang Arab menjadikannya sebagai kiasan dan *mathal* kepada sebarang gangguan dan pencerobohan.

Burung الحبارى (*al-huba:ra:*) pula dikaitkan secara khusus dengan ketenangan. Burung ini saiznya sebesar ayam, mempunyai bulu yang lebat. Kadang kala dipanggil ayam hutan atau ayam liar. Memandangkan saiz badannya besar satu-satunya musuh burung ini di udara ialah helang. Lumrahnya binatang yang bersaiz besar itu memerlukan makanan yang banyak. Apabila makan banyak buangnya juga besar. Satu keistimewaan burung ini ialah tidak mudah terperanjat dengan sesuatu yang boleh mengundang kejutan. Beberapa sifat yang dimiliki oleh burung ini telah menjadi kiasan sehingga terbentuk beberapa *mathal*.

Selain daripada itu pemerhatian mereka terhadap gerak-geri dan gelagat berbagai-bagai jenis burung secara umumnya turut membawa kepada pengungkapan banyak *mathal* yang bersesuaian untuk dijadikan kiasan dan *mathal* kepada berbagai-bagai keadaan yang bersesuaian.

3- Binatang Buruan Laut.

Walaupun hubungan manusia dengan laut adalah seawal mereka diciptakan lagi namun laut dan hidupannya tidak banyak mempengaruhi pembentukan *mathal*. Ini seolah-olah hidupan laut masih banyak menjadi mistera dan rahsia dalam kehidupan orang Arab pada masa itu. *Mathal* yang berkaitan dengan hidupan laut ini tidaklah. Kesemuanya menggambarkan kaitannya dengan laut yang menjadi habitatnya.

7.2.3 Alat-alat Dan Senjata Pemburuan

Hasil daripada kajian yang dibuat, didapati banyak *mathal* yang berasaskan peralatan-peralatan yang digunakan untuk memburu. Tumpuan diberi kepada beberapa peralatan memburu tertentu yang dikira penting dalam kajian ini.

Dalam menjalankan aktiviti perburuan berbagai-bagai senjata telah digunakan oleh para pemburu untuk menumpaskan binatang buruan, Justeru, alat-alat tersebut juga turut mempengaruhi pembentukan *mathal*.

Panah merupakan alat memburu yang paling populer kalangan masyarakat Arab. Aktiviti perburuan yang menggunakan panah terdiri daripada beberapa kumpulan alat seperti yang disebutkan sebelum ini. Komponen-komponen kecil anak panah turut mempengaruhi pembentukan *mathal*.

Sehubungan dengan ini didapati beberapa perkara yang berkaitan dengan aktiviti memanah telah menjadi perhatian berat di kalangan orang Arab Jahiliyah. Perkara-perkara tersebut ialah, kebanggaan terhadap pemanah yang mahir, kehebatan anak panah berbanding alatan lain dan kejayaan yang diperolih oleh pemanah yang tidak mahir.

Perkara-perkara di atas menunjukkan kesamaan fungsi anak panah sebagai senjata buruan atau senjata perang. Ini membawa maksud wujud kesamaan atau kaitan antara pemburu dengan pahlawan dalam memori Arab Jahiliyyah.

Kajian ini juga mendapati banyak *mathal* yang menyebut ciri-ciri anak panah dan jenisnya. Ciri dan jenis anak panah yang telah dirakamkan dalam *mathal* ialah: anak panah gondol (tidak berbulu), panahan yang sesekali tepat, anak panah yang terakhir, bunyi pergerakan anak panah dalam menuju sasarannya dan beberapa perkara lain.

Tujuan pengungkapannya di sini adalah untuk menyatakan kebanggaan atas kemahiran memanah. Walaupun menggunakan anak panah yang tidak lengkap, si pemanah masih mampu mengenai sasarannya dengan tepat.

Mathal-mathal tersebut juga memberikan gambaran tentang sukan memanah, latihan praktis dan bertarung untuk membina kecekapan memanah. Mereka yang kembali dari berburu kadang kala kembali dengan tangan kosong tanpa sebarang hasil tangkapan.

Sebelum seseorang pemburu itu keluar pergi memburu hendaklah dia pastikan terlebih dahulu bahawa anak panahnya mencukupi untuk tujuan tersebut. Sekiranya dia tidak berbuat demikian dia dijangka akan menghadapi masalah di separuh jalan, seterusnya mengundang kegagalan. Manakala anak panah yang disediakan itu pula hendaklah terdiri daripada anak panah yang lengkap dan sedia untuk digunakan.

Kajian ini juga mendapati beberapa peralatan yang digunakan dalam perburuan turut tercatat dalam *mathal*, antaranya batu, tali (jerat), pedang, pisau, tombak dan kapak. Kapak bukanlah merupakan senjata yang popular dalam perburuan walaupun ia turut digunakan untuk tujuan itu.

Perkara-perkara di atas dijadikan kiasan dan *mathal* kepada perkara yang mempunyai persamaan serta kaitan dari segi makna, maksud serta tujuannya.

7.2.4 Teknik-teknik Memburu

Kajian ini mendapati beberapa teknik perburuan turut mempengaruhi pembentukan *mathal*. Antaranya ialah teknik menghambat: Teknik ini lebih berkaitan dengan keperibadian orang Jahiliyah kerana ia membuka ruang kepadanya bagi mempraktik kepahlawanannya dengan bebas, sekalipun pergaduhan dan perkelahian antara puak tidak melibatkan unsur kepahlawanan memburu, namun ia menjurus ke arah kepahlawanan sebenar melalui praktik ketekunan memburu.

Melepaskan anjing dan membiarkannya melumpuhkan dan menguasai mangsanya, merupakan satu teknik perburuan yang dilakukan terhadap binatang buruan yang besar terutamanya lembu liar.

Penggunaan helah. Di dalam pemburuan merupakan suatu teknik yang digunakan oleh orang Jahiliyah. Orang Arab Jahiliyah agak teliti dalam memerhati dan memperhalus perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan binatang buruan yang kebiasaannya akan melahirkan suatu tipu helah untuk menumpaskan binatang tersebut setelah dia gagal menggunakan teknik-teknik lain.

Antara helah lain pemilihan masa yang sesuai untuk memburu seperti memburu kijang malam hari adalah kerana ia rabun malam. Antara lain, mereka bersembunyi di suatu tempat, kemudian mereka menerkam buruan yang muncul di situ.

Selain daripada apa yang disebutkan di atas perangkap lubang digunakan untuk memburu atau mendapatkan binatang buruan. Hal ini dengan cara menggali lubang yang dalam di kawasan tinggi.

7.2.5 Binatang Perburuan

Kajian ini mendapati selain daripada menggunakan alat dan senjata, perburuan juga dijalankan dengan menggunakan binatang. Mengikut apa yang diperoleh daripada *mathal-mathal*, hanya dua jenis binatang sahaja yang digunakan oleh orang Arab Jahiliyah dalam pemburuan, iaitu anjing dan burung helang. Binatang-binatang ini dilatih terlebih dahulu sehingga dia mahir dan dapat mengikuti segala arahan yang diberikan oleh tuannya. Justeru *mathal* yang berkaitan dengan anjing terlalulah banyak. Walau bagaimanapun *mathal* yang berkaitan dengan burung helang agak kurang berbanding dengan anjing.

Segala perilaku dan gelagat binatang pemburu itu diperhatikan oleh pemburu dan juga mereka yang berada di sekelilingnya. Antara sifat, gelagat dan perilaku binatang-binatang perburuan tersebut ialah memiliki penglihatan yang tajam,

memiliki kepekaan terhadap mangsanya, keupayaan dan kedudukan binatang-binatang tersebut serta nilai dan tingkahlakunya ketika memburu dan dalam keadaan biasa.

Keadaan seumpama ini mempengaruhi pengungkapan *mathal* yang berkaitan dengan haiwan-haiwn ini.

7.3 *Mathal-mathal* Arab yang boleh diterima pakai secara langsung dalam masyarakat Malaysia

Setelah menganalisis *mathal-mathal* yang terbabit dalam kajian ini dari segi latar belakang, bentuk ayat dan gaya bahasa, kandungan, tujuan serta pengajaran yang terkandung dalam *mathal-mathal* tersebut, penulis mendapati banyak *mathal* yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam perbendaharaan atau koleksi peribahasa Melayu. Hal ini kerana *mathal-mathal* tersebut boleh difahami secara langsung oleh penduduk negara ini. Hal ini disebabkan oleh ungunya terang dan jelas dan tidak mengandungi sesuatu yang menghalang kefahaman yang berkaitan dengan kelainan budaya, kedudukan geografi dan sebagainya. Perkara ini kerana sesuatu peribahasa itu tidaklah menjadi hak mutlak sesuatu bangsa. Bahkan ia merupakan sesuatu yang boleh diberi dan diterima. Sehubungan dengan ini di dapati sebanyak 57 *mathal* yang berkaitan dengan kajian ini boleh digunakan secara langsung kalangan pelajar dan juga orang awam di Malaysia. (Lihat lampiran 1)

Manakala untuk *mathal-mathal* lain, selain daripada apa yang disenaraikan di atas penulis turut mencadangkannya supaya turut digunakan dalam masyarakat kita. Walau bagaimanapun ia hendaklah terlebih dahulu diterangkan latar belakang budaya hingga membawa kepada terungkapnya setiap *mathal* tersebut. Dengan demikian mereka yang menggunakan *mathal-mathal* tersebut akan dapat menghayati dan memahami dengan tepat segala apa yang tersurat dan tersirat di dalamnya. Seterusnya dapat menggunakan *mathal-mathal* tersebut di tempat dan masanya yang betul.

7.4 Pengajaran Dan Teladan

Mathal-mathal yang dipaparkan mengandungi pengajaran dan teladan untuk berbagai-bagai keadaan. Pertama, berbagai-bagai keadaan psikologi. Kedua, dunia dan ketentuan. Ketiga: berbagai-bagai perilaku yang baik. Keempat, berbagai-bagai perilaku yang buruk. Kelima, persahabatan dan pergaulan. Keenam, perangai serta sifat-sifat Terpuji. Ketujuh, perangai serta sifat-sifat keji. Kelapan berurusan dan berinteraksi dan lain-lain lagi.

Mengenai pengajaran dan teladan yang dibawa oleh sesuatu *mathal* penulis telah menerangkan setiap satunya ketika *mathal* berkenaan dibincangkan. Kepada pembaca yang ingin mendapatkan perkara itu hendaklah merujuk semula kepada setiap *mathal* yang telah dibincangkan.

7.5 Penutup

Diharapkan daripada perbincangan yang dibuat tentang unsur-unsur budaya yang berkaitan dengan pemburuan, dapatah memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kebudayaan Arab. Kebudayaan Arab mempengaruhi pengungkapan *mathal*. *Mathal* memberikan gambaran tentang persepsi orang-orang Arab mengenai latar belakang kebudayaan Arab ketika berlakunya pengungkapan *mathal* yang berkaitan dengan aktiviti pemburuan. Terdapat hubungan timbal balik antara aktiviti pemburuan dengan pengungkapan *mathal*. Dimana aktiviti pemburuan mempengaruhi pengungkapan *mathal*, manakala *mathal* telah memberikan gambaran tentang adat atau budaya pemburuan di kalangan orang Arab Jahiliyah. Diharapkan gambaran yang diberikan dalam kajian ini tentang kebudayaan Arab dapat meningkatkan lagi pengetahuan yang berkaitan. Di samping itu kita juga dapat menambah bilangan peribahasa ke dalam senarai yang sedia ada.